



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

Jabatan Bendahari

Bursar's Department

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld.XI

Tarikh : 20 November 2014

PEKELILING BENDAHARI BIL. 15/2014

Dekan/Pengarah/Ketua/Pengetua
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Bahagian/Unit/Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

JADUAL PENUTUPAN AKAUN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Sukacitanya pihak kami ingin menarik perhatian Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara di atas.

2. Pekeliling ini bertujuan untuk menyelaraskan aktiviti dan proses kewangan utama yang perlu diikuti oleh semua pusat tanggungjawab (PTJ) bagi memastikan laporan kewangan dapat disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

TARIKH AKHIR URUSNIAGA TAHUN 2014

3. Proses penutupan akaun universiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 akan dilaksanakan dengan menggunakan Sistem Kewangan dan Perakaunan Universiti (UFAST). Bagi membolehkan penutupan akaun tersebut berjalan dengan lancar, semua PTJ diminta mengikut jadual berkaitan urusan perolehan, pembayaran bil-bil dan pendaftaran aset tahun 2014 seperti berikut:-



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Jabatan Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan

Telefon: +603-8921 3000/5148 Faksimili: +603-8925 3085 E-mel: bendahari@ukm.my
Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Urusan Perolehan

Bil	Perkara	Tarikh Akhir
1.	Tarikh akhir penyediaan Tempahan Peruntukan (TP) oleh PTJ. Tempahan Peruntukan yang tidak sempat dikeluarkan Pesanan Rasmi (PR) dalam tahun 2014 perlu dibatalkan.	28 November 2014
2.	Tarikh akhir terima Borang Permohonan Pesanan Rasmi (BPPR) oleh Jabatan Bendahari atau PTJ	19 Disember 2014
3.	Tarikh akhir pengeluaran PR oleh Jabatan Bendahari atau PTJ menggunakan peruntukan mengurus tahun 2014. (Catatan: TP yang tidak sempat dikeluarkan PR dalam tahun 2014 perlu dibatalkan)	31 Disember 2014

Urusan Pembayaran

1.	Tarikh akhir terima Arahan Pembayaran berserta bil atau invois oleh Jabatan Bendahari	24 Disember 2014
2.	Tarikh akhir menyediakan baucer bayaran tahun 2014 (bagi memastikan cek dan EFT disediakan sebelum 31 Disember 2014)	24 Disember 2014
3.	Tarikh akhir meluluskan Daftar Bil oleh Jabatan Bendahari	31 Disember 2014
4.	Tarikh akhir menyediakan cek dan EFT bagi baucer tahun 2014	31 Disember 2014


Urusan Pendaftaran Aset

1.	Tarikh akhir pendaftaran aset dan inventori di PTJ	16 Januari 2015
----	--	------------------------

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan perkara ini kepada semua kakitangan di Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian/Unit/Kolej Kediaman Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Yang benar,



DATO' HJ. MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL

Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k: Naib Canselor, UKM
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.
Pengarah Eksekutif Pentadbiran, UKM